



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 34 (20 OGOS – 26 OGOS 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-34 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,349 kes berbanding 2,248 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 101 kes (4.3%). Satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-34 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-34 adalah sebanyak 78,277 kes berbanding 36,703 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 41,574 (113.3%). Manakala sejumlah 55 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 22 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini meningkat dengan sejumlah 82 lokaliti yang dilaporkan berbanding 74 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 82 lokaliti yang dilaporkan, 51 lokaliti di Selangor, 22 lokaliti di WPKL & Putrajaya, masing-masing dua (2) lokaliti di Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Sabah dan satu (1) lokaliti di Pulau Pinang.


Bagi surveilan chikungunya, tiga (3) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-34. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 159

kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 2,114 sampel darah dan 167 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Semangat perpaduan yang tinggi dan kerjasama masyarakat memainkan peranan yang penting dalam usaha menangani penyakit demam denggi, selari dengan tema sambutan Hari Kebangsaan ke-66 dengan tema Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan. Setiap lapisan masyarakat perlu bersatu-padu menjaga kebersihan persekitaran kita. Pastikan sampah, barang lusuh dan bahan buangan dilupuskan di tempat pelupusan yang sesuai agar tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Letakkan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas yang berpotensi menampung air contohnya lapik pasu bunga, palung air hujan, bekas makanan haiwan ternakan dan sebagainya. Lakukan semburan aerosol di dalam rumah terutamanya di tempat yang gelap dan tersorok untuk membunuh nyamuk dewasa. Mari kita bersama-sama menjaga kebersihan dan kelestarian persekitaran serta mencegah jangkitan demam denggi. Selamat menyambut Hari Kebangsaan ke-66. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
5 September 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-34 dan ke-33 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-34 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-34), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-34 tahun 2023